

Fazri lebur rekod acara 800 meter

Ipoh: Atlet Universiti Malaya (UM), Wan Muhammad Fazri Wan Zahari mencuri tumpuan pada hari kedua Sirkuit Pertama Kejohanan Sirkuit Pertama Varsity Track & Field 2024 (VTF 1) semalam apabila memecahkan rekod kejohanan acara 800 meter (m).

Lebih manis pada aksi di Stadium Perak, Fazri bukan setakat mencatat rekod baharu dengan catatan masa 1 minut 53.05 saat (s) tetapi turut menewaskan pemegang rekod lama (1:54.95s), Anas Ariffin yang dilakukannya tahun lalu.

Fazri berkata, dia tidak menyangka mampu mencipta rekod baharu kerana baru sebulan sembuh daripada kecederaan lutut.

“Saya cedera sejak kejohanan terakhir September tahun lalu, selepas lima bulan barulah sembuh dan baru sebulan berlatih.

“Ini pembukaan musim, pertandingan pertama saya bagi



tahun ini. Jadi, saya anggap pencapaian ini sebagai penanda aras,” katanya.

Tempat kedua milik atlet Universiti Putra Malaysia (UPM), M Avinashwer Austin dengan catatan masa 1:54.06s, manakala Anas di tempat ketiga (1:59.06s)

Sementara itu, pingat emas bagi acara 200m lelaki dan wanita dimenangi oleh wakil Kolej Komuniti Malaysia (KK MAS), Pengiran Aidil Auf Hajam @ Pg. Roslie dan wakil Universiti Malaysia Sabah (UMS), Chelsea Cassiopea Evali Bopulas.

Aidil yang pertama kali menyertai VTF menamatkan larian dengan catatan 21.49s.

Katanya, kemenangan itu memotivasikan dirinya selepas



Fazri memecahkan rekod acara 800 meter VTF 1 di Stadium Perak, semalam.

(Foto Muhamad Lokman Khairi /BH)

mengalami penurunan prestasi sejak Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) Kebangsaan tahun lalu.

“Ini permulaan musim yang bagus, sebelum ini persemba-

han saya kurang memberangsangkan di MSSM sebab kecederaan, kemenangan hari ini meningkatkan semula motivasi untuk menghadapi kejohanan akan datang,” kata anak jati Sandakan, Sabah itu.